

**AKHBAR : THE STAR**  
**MUKA SURAT : 6**  
**RUANGAN : NATION**

THE STAR M/S 6 NATION 19/1/2025 (AHAD)

# Doctors call for proper consultation

**Group: A workable solution needed to address overwork**

By ZAKIAH KOYA  
zakiah@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** The Health Ministry should not waste any more time in coming up with a workable solution to ease overwork among government doctors, especially in refining the proposed work arrangement under WBB (Waktu Bekerja Berlainan), says the Malaysia Medical Association Section Concerning House Officers, Medical (MMA Schomos).

In a statement on Facebook yesterday, MMA Schomos criticised the Health Ministry over its decision to hold a three-day retreat to deliberate on issues concerning doctors, following the failure of a hastily convened "town hall" to address concerns raised by healthcare workers, who roundly criticised the proposed WBB over the past few days.

Yesterday, Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said under WBB, working hours will be reduced from 99 to 72 hours a week to ensure medical officers and specialists are

not overworked.

Dzulkefly said the WBB implementation will be discussed in detail during the retreat that ends today.

In a Facebook post, MMA Schomos said it was aware of the Health Ministry's decision to conduct a retreat, where deliberation on the WBB shift system will occur, among others.

"This move comes after widespread dissatisfaction expressed during the recent townhall, which failed to address critical concerns.

"It is important to highlight that the townhall, called within a 24-hour notice, was not a stakeholder consultation in the true sense, but a *fait accompli* situation that was top-down in nature, during which most comments and questions were unanswered and unresolved.

"The following points must be given serious consideration, namely halting the rollout of WBB, on-call allowance issue, workforce distribution, transparent and inclusive policy-making and income loss for healthcare workers," said MMA Schomos,



**Difficult situation:** Doctors are calling for fairer work arrangements. — IZZRAFIQ ALIAS/The Star

which called for a suspension of WBB along with a thorough stakeholder consultation, especially with junior medical officers, a group that will be the most impacted by the policy, and for specialists to ensure the system is practical and does not exacerbate existing issues.

"Recognise that the current workforce distribution cannot support reduced working hours without compromising patient care. It is important to note that doctors at present also work 45 hours, and the only difference is the number of calls which always depend on manpower availability.

"Any planned idea must revolve around the ability to finally implement it to the benefit of all doctors and patients, and not in a piecemeal manner," said MMA Schomos, which further stated

that the proposed increase in on-call allowance, limited to WBB weekend shifts, is insufficient and unfair to doctors not included in the WBB system.

"The quantum of allowances for all doctors must be increased as called for and implemented across all facilities. All benefits should be the same for everyone," said the grouping.

On the equitable distribution of healthcare workers, MMA Schomos stated that it is essential to conduct a comprehensive audit of staffing needs, factoring in population, hospital workloads, and most importantly, the norms for each service.

"Put such information on a transparent dashboard accessible to the public.

"The ministry should avoid making unilateral decisions with-

out input from the ground. Stakeholder consultations should allow for meaningful input, rather than serve as a mere formality.

"Under WBB, weekday shifts that extend beyond regular hours are treated as part of the 45-hour workweek, leading to income loss for doctors. MOH must address this financial disparity and ensure no healthcare worker suffers an income reduction due to the new system," said MMA Schomos in reiterating that its members are not against reforms or improving work-life balance.

"Reforms must enhance the system rather than demoralise the very professionals it relies upon, and also not impact patient care.

"We stand ready to assist in developing pragmatic solutions to improve our healthcare system for the benefit of all."

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 9  
RUANGAN : NASIONAL

SINAR HARIAN M/S 9 NASIONAL 19/1/2025 (AHAD)

# Beban kerja tidak boleh dinilai ikut jam

Tempoh lapan jam bertugas di jabatan kecemasan berbeza dengan waktu kerja pejabat

Oleh AISYAH BASARUDDIN  
SHAH ALAM

**B**eban kerja kakitangan kesihatan terutama yang bertugas secara klinikal di hospital tidak boleh dinilai berdasarkan jam bekerja.

Penasihat dan Pengasas Medical Mythbusters Malaysia, Dr Ahmad Firdaus Mohd Haris berkata, tempoh lapan jam bertugas di jabatan kecemasan berbeza

dengan waktu kerja pejabat.

Menurutnya, tempoh bekerja perlu mengambil kira *circadian rhythm* atau kitaran waktu tidur manusia.

"Sebenarnya, tugas di luar waktu bangun atau tidur normal manusia lebih membebankan.

"Jadual cuti pekerja yang bertugas di luar waktu kerja biasa juga menjelaskan waktu sosial mereka terutamanya golongan berkeluarga.

"Bagi saya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) perlu lebih telus dan mengambil kira pelbagai sudut terutamanya kebijakan petugas kesihatan," katanya kepada *Sinar Ahad*.

Sebelum ini, Menteri

Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad memaklumkan, Waktu Bekerja Berlainan (WBB) iaitu sistem syif baharu untuk petugas kesihatan mampu mengurangkan keletihan selain meningkatkan kualiti hidup serta kebijakan golongan terbabit, namun ia masih di peringkat cadangan.

Jelasnya, pelaksanaan WBB dijangka dapat mengurangkan tempoh bekerja *on-call* daripada maksimum 33 jam kepada 18 jam untuk setiap sesi.

Tambah Dr Dzulkefly, ia juga dibuat bagi memastikan pegawai perubatan tidak bertugas melebihi 24 jam secara berterusan.

Mengulas lanjut, Dr Ahmad Firdaus berpandangan, KKM perlu mewujudkan satu suruhanjaya khas untuk petugas kesihatan awam bagi menangani isu berkenaan.

Ia kerana menurutnya, sektor perubatan memiliki beban kerja yang unik dan tidak sama seperti bidang lain.

"Perkara ini juga penting untuk mengawal dan membendung keluar masuk petugas kesihatan yang ditawarkan gaji tinggi serta kebijakan lebih baik di sektor swasta mahupun luar negara," ujar beliau.

Laporan  
*Sinar  
Harian*  
mengenai  
Waktu  
Bekerja  
Berlainan  
(WBB) iaitu  
sistem syif  
baharu  
petugas  
kesihatan.



AHMAD FIRDAUS

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 9  
RUANGAN : NASIONAL

SINAR HARIAN M159 NASIONAL 19/1/2025 (AHAD)

## 'Tambah petugas kesihatan, bukannya kurangkan waktu bekerja'

**SHAH ALAM** - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sepatutnya menambah petugas kesihatan, bukannya mengurangkan tempoh waktu bekerja daripada maksimum 33 jam kepada 18 jam untuk setiap sesi menerusi pelaksanaan Waktu Bekerja Berlainan (WBB).

Ketua Pemuda UMNO, Datuk Dr Muhamad Akmal Saleh berkata, isu sebenar yang timbul adalah apabila staf perlu bekerja lebih masa disebabkan kekurangan kakitangan.

Menurut beliau, selaku doktor perubatan, pihaknya percaya walaupun jadual baharu menunjukkan jumlah waktu bekerja berkurangan, tetapi ia teori dan angan-angan semata-mata.

"Realitinya mereka terpaksa bekerja lebih masa disebabkan tugas yang banyak berbanding kakitangan sedia ada.



DR MUHAMAD AKMAL

"Jika masalah kewangan yang dihadapi kementerian, sekurang-kurangnya hargailah petugas kesihatan dengan tidak memotong elaun *on-call* setelah bekerja selama 18 jam. Kalau tak nak bayar elaun *on-call*, kiralah bayaran ikut jam.

"Hargailah petugas kesihatan kita yang banyak berkorban untuk rakyat dan masih setia bekerja dalam sektor awam," katanya menerusi hantaran di Facebook.

Mengulas lanjut, Dr Muhamad Akmal berpandangan, golongan pembuat polisi yang bekerja dari jam 8 pagi hingga 5 petang sepatutnya lebih memahami situasi dihadapi petugas kesihatan.

"Diharapkan pembuat polisi kerja jam 8 pagi balik 5 petang, cuti Sabtu dan Ahad dapat memahami apa sebenarnya dihadapi petugas kesihatan kita di bawah ini," ujarnya lagi.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : DALAM NEGERI

UTUSAN MALAYSIA M/S 6 N/NEGERI 19/1/2025 (AHAD)

# Isunya kurang petugas kesihatan, bukan jadual waktu kerja - Akmal

**PETALING JAYA:** Dasar waktu bekerja berlainan (WBB) yang dicadang oleh Kementerian Kesihatan (KKM) didakwa tidak mencerminkan realiti sebenar untuk cara bekerja doktor di hospital awam.

Ketua Pemuda UMNO, Datuk Dr. Akmal Saleh berkata, isu sebenar apabila doktor kena kerja lebih masa adalah kekurangan petugas kesihatan, bukan disebabkan jadual waktu bekerja.

Oleh itu, kata beliau, penyelesaian terhadap masalah tersebut adalah KKM perlu menambah petugas kesihatan bukan mengurangkan waktu bekerja.

“Saya percaya walaupun jadual baharu menunjukkan jumlah waktu bekerja berkurangan tetapi ia sekadar teori dan angan-angan.

“Realitinya petugas kesihatan kita tetap akan terpaksa bertugas lebih masa disebabkan tugas yang banyak berbanding petugas yang ada,” katanya menerusi kenyataan.

Terdahulu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, dasar WBB akan diputuskan selepas sesi pemukiman KKM melibatkan pimpinan tertinggi hujung minggu ini.

Kata beliau, dasar WBB dalam sektor kesihatan awam mampu mengurangkan ‘beban’ yang perlu ditanggung oleh pegawai dan pakar perubatan.

Jelasnya, dasar tersebut akan mengurangkan tempoh bekerja atas panggilan aktif daripada maksimum 33 jam kepada 18 jam untuk setiap sesi kerja kaktangan yang terlibat dan memastikan mana-mana pegawai tidak bertugas melebihi 24 jam.

Mengulas lanjut, Akmal yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Merlimau itu berkata, KKM patut menghargai petugas kesihatan walaupun berdepan dengan kekangan kewangan.

“Sekurangnya hargailah petugas kesihatan kita ini dengan tidak memotong elauan *on-call* setelah bekerja selama 18 jam dan jika tidak mahu bayar elauan tersebut pun, kiralah bayaran mengikut jam.

“Hargailah petugas kesihatan kita yang banyak berkorban untuk rakyat negara ini dan masih setia bekerja di sektor awam.

“Harap pembuat polisi yang (kerja dari) 8 pagi (hingga) 5 petang dan cuti Sabtu serta Ahad dapat memahami apa sebenarnya yang dihadapi oleh petugas kesihatan kita di bawah ini,” katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NASIONAL

## Kerajaan digesa perbaiki kaedah keterlibatan dengan doktor

**SHAH ALAM -**

Kerajaan digesa mengambil tindakan memperbaiki kaedah keterlibatan dengan doktor secara langsung bagi memudahkan urusan pelaksanaan model Waktu Bekerja Berlainan (WBB) dijalankan.

Ketua Pemuda Pas, Afnan Hamimi

Taib Azamudden berkata, meskipun objektif awal pelaksanaan WBB adalah untuk mengurangkan beban kerja dan meningkatkan keseimbangan hidup serta kerja, namun pelbagai isu yang timbul menunjukkan bahawa polisi tersebut memerlukan penelitian semula secara mendalam.

"Pemuda Pas menerima maklum bahawa sesi *townhall* yang diadakan baru-baru ini tidak mencapai objektif kerana tidak menyediakan ruang dialog mencukupi dan soalan kritikal tidak diberi perhatian sewajarnya.

"Proses ini harus diulang dengan penyertaan lebih meluas dengan melibatkan pegawai perubatan junior (MO) dan pakar-pakar," katanya katalnya menerusi hantaran di Facebook pada Sabtu.

Dalam pada itu, Afnan Hamimi berkata, isu mengenai kadar elauan *on call* tidak sekata dan penetapan tidak adil berlaku antara unit mengamalkan atau tidak mengamalkan WBB adalah sesuatu yang tidak



AFNAN HAMIMI

boleh diterima.

"Selain itu, kadar bayaran RM9/jam jelas tidak setimpal dengan intensiti dan risiko kerja doktor ibarat satu penghinaan kepada pengorbanan mereka. Elauan *on call* mesti dinaikkan segera tanpa perlu menunggu berlakunya perubahan model kerja," ujarnya.

Menurut beliau, pihaknya mengingatkan bahawa kebijakan doktor bukan sekadar isu teknikal, tetapi juga melibatkan aspek moral dan etika.

Jelasnya, kebijakan penjawat awam terutama doktor adalah tanggungjawab kerajaan yang tidak boleh diabaikan.

"Sebagai petugas barisan hadapan yang berkhidmat tanpa henti untuk rakyat dan negara, kebijakan serta keadilan untuk para doktor kerajaan mesti menjadi keutamaan. Kerajaan tidak boleh sekadar mematuhi pekeliling Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) tanpa memahami realiti tugas para doktor jauh berbeza dengan sektor awam lain.

"Pemuda Pas menggesa Menteri Kesihatan dan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk segera mengambil tindakan proaktif dalam isu ini demi kesejahteraan serta masa depan sektor kesihatan negara yang lebih baik," katanya.

**AKHBAR : BERITA HARIAN****MUKA SURAT : 16****RUANGAN : NASIONAL**

BH MIS 16 NASIONAL 19/1/2025 (AHAD)

# Lebih RM30 juta naik taraf 47 klinik kesihatan di Johor

Proses tender bermula Mac depan, dijangka selesai sebelum Oktober

Oleh Izz Laily Hussein  
bhnews@bh.com.my

**Johor Bahru:** Kementerian Kesihatan menyediakan dana lebih RM30 juta untuk menaik taraf 47 klinik kesihatan daif tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Johor, Ling Tian Soon, berkata, ini membabitkan kerja menambah baik infrastruktur serta mengantikan kelengkapan perubatan yang lama.

Beliau berkata, proses membuka tender akan bermula pada Mac depan dan dijangka dapat



Onn Hafiz diiringi Tian Soon (empat dari kanan) ketika walkabout pada Majlis Pelancaran Projek Locker4U 2025 dan Inisiatif Perkhidmatan UMP, di Johor Bahru, semalam.

(Foto Izz Laily Hussein/BH)

diselesaikan sebelum Oktober.

"Kita mengenal pasti 47 klinik kesihatan yang uzur di setiap daerah di negeri ini yang per-

lu diberikan keutamaan untuk dinaik taraf, demi keselesaan pengguna."

"Sebanyak 98 klinik kesih-

tan seluruh negeri ini dinaik taraf sejak 2023 sehingga Disember lalu," katanya ketika ditemui selepas mengiringi Menteri Besar,

Datuk Onn Hafiz Ghazi mengadakan walkabout pada Majlis Pelancaran Projek Locker4U 2025 dan Inisiatif Perkhidmatan UMP di sini, semalam.

#### Tambah baik kemudahan

Beliau berkata, setakat ini tiga klinik kesihatan di Gelang Patah, Majidee dan Tebrau di sini, hampir siap dinaik taraf dengan dana berjumlah RM4 juta.

Katanya, kemudahan itu seperti pendingin hawa, perabot serta peralatan bukan perubatan sudah ditukar.

"Bagi kelengkapan perubatan pula seperti alat 'ultra sound' juga akan dipasang pada masa terdekat. Menteri Besar juga berhasrat untuk menyumbangkan ambulans di ketiga-tiga klinik kesihatan itu, juga dijangka akan diperoleh pada masa terdekat," katanya.

Sementara itu beliau berkata, tiada kesihatan yang terjejas akibat banjir yang melanda di lima daerah di negeri ini, baru-baru ini.

**AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**MUKA SURAT : 14**  
**RUANGAN : NASIONAL**

BH MUSIM NASIONAL 19/1/2025 (AHAD)

## Wartawan BH, TV3 rangkul Anugerah Pena Emas OSHPop 2024

**Kuala Lumpur:** Kumpulan Media Prima Berhad (MPB) mengungguli majlis Anugerah Kebangsaan Kecemerlangan Prinsip Pencegahan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHPop) 2024, kelmarin.

Dua wakil MPB, masing-masing Wartawan *BH*, Muhammad Yusri Muzamir dan Wartawan Meja Sukan TV3, Hazreen Mubarak memenangi Anugerah Pena Emas pada majlis anjuran Persatuan Keselamatan dan Kesihatan Perindustrian Malaysia (MiSHA) itu.

Tujuh lagi wakil media masing-masing daripada BERNA-MA, RTM, Majoriti (The Star), ASTRO Arena, Malaysia Tribune dan Edisi 9 turut merangkul anugerah sama.

Setiap pemenang membawa pulang plak dan sijil penghargaan.

Pemilihan bagi kategori itu bertujuan mengiktiraf sumbangan petugas media yang memberi kerjasama dan membantu meningkatkan tahap pengur-



Dr Dzulkefly menyampaikan Anugerah PENA Emas 2024 kepada wartawan BH, Muhammad Yusri pada majlis Anugerah Kebangsaan Kecemerlangan Prinsip Pencegahan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHPop) 2024, di Kuala Lumpur, kelmarin.  
(Foto Genes Gulitah/BH)

san risiko keselamatan, kesihatan serta alam sekitar di tempat kerja.

Pada majlis disempurnakan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad itu, PETRONAS dinobatkan sebagai pemenang anugerah utama, Grand Platinum OSHPop 2024.

Terdahulu, Dr Dzulkefly ketika berucap merasmikan OSHPop 2024, berkata Kementerian Kesihatan (KKM) dengan kerjasama MiSHA akan memperkenal dasar dan program pencegahan lebih menyeluruh menerusi Inisiatif Kesihatan Paru-Paru Kebangsaan.

Beliau berkata, ini termasuk penyediaan garis panduan kesihatan paru-paru, kempen kesedaran dan pemeriksaan kesihatan berkala untuk pekerja yang terdedah bahan berbahaya.

"KKM tahun ini, akan memulakan agenda kesihatan khusus bagi sektor pekerjaan dengan kerjasama MiSHA melalui Inisiatif Kesihatan Paru-Paru Kebangsaan.

"Inisiatif ini langkah penting dalam menangani risiko bagi penyakit berkaitan paru-paru yang berkait rapat dengan tempat kerja," katanya.

Dr Dzulkefly berkata, pekerja dalam sektor pembuatan, pembinaan serta industri berat antaranya, sering terdedah kepada bahan berbahaya seperti habuk, bahan kimia dan pencemaran udara, boleh mengakibatkan penyakit seperti paru-paru kronik, asma pekerjaan atau silikosis, jika tidak diuruskan dengan baik.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Kuala Selangor berkata, MiSHA sebagai pertubuhan mewakili suara industri perlu memainkan peranan penting bagi menyampaikan keperluan dan cabaran sektor pekerjaan kepada pihak kementerian.

"Kerjasama ini diharap dapat menjadi platform untuk menyelaraskan usaha dalam memperbaiki kesejahteraan pekerja dan mencegah risiko kesihatan di tempat kerja," katanya.

**AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA**  
**MUKA SURAT : 34**  
**RUANGAN : KESIHATAN**

UTUSAN MALAYSIA MI, 34 19/1/2025 (AHAD)

# Pentingkah membuka 'buku pink'?

**K**EHAMILAN adalah anugerah istimewa bagi pasangan yang berkahwin, menandakan permulaan sebuah perjalanan baru dalam kehidupan. Sepanjang kehamilan, tubuh ibu mengalami pelbagai perubahan yang kadangkala menimbulkan ketidaksesuaian seperti loya, muntah, dan sembelit.

Selain itu, terdapat risiko masalah kesihatan seperti anemia akibat kekurangan zat besi dan diabetes kehamilan (GDM), yang memerlukan perhatian khusus. Masalah ini boleh berpunca daripada pelbagai faktor, termasuk persediaan sebelum hamil yang kurang mencukupi, tindak balas tubuh terhadap perubahan hormon, atau sejarah kesihatan keluarga. Justeru, pemeriksaan berkala amat penting untuk memantau kesihatan ibu dan memastikan bayi berkembang sihat, menjamin kelahiran yang selamat dan sejahtera.

Buku pink merupakan + dokumen penting yang tidak asing lagi bagi ibu hamil yang mendapatkan pemeriksaan di Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA). Diibaratkan sebagai 'pasport kehamilan', buku ini memainkan peranan besar bukan sahaja semasa kehamilan, tetapi juga selepas kelahiran hingga anak masuk ke dalam persekolahan.

Secara rasmi dikenali sebagai Buku Rekod Kesihatan Ibu, dokument ini mengandungi maklumat terperinci mengenai ibu, termasuk sejarah kehamilan, faktor risiko yang dikenalpasti, serta data kesihatan penting yang memberikan gambaran menyeluruh tentang kesejahteraan ibu dan bayi. Ia menjadi rujukan utama sepanjang tempoh kehamilan, memastikan ibu dan bayi sentiasa berada dalam keadaan terbaik.

Penggunaannya yang seragam di semua fasiliti kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia menjadikannya alat



**BUKU pink sebagai dokumen rujukan lengkap untuk rawatan.**

utama dalam pengurusan kesihatan ibu yang lebih sistematik dan efisien. Selain itu, buku pink memudahkan pegawai kesihatan memantau perkembangan kesihatan ibu dan bayi secara konsisten.

Sekiranya timbul komplikasi seperti anemia atau tekanan darah tinggi, langkah intervensi dapat diambil dengan segera. Buku ini juga berfungsi sebagai dokumen rujukan yang lengkap sekiranya ibu memerlukan rawatan di hospital atau klinik lain, memastikan rawatan yang diberikan lebih tepat dan berkesan berdasarkan rekod kesihatan yang telah direkodkan.

Buku pink adalah elemen penting dalam memastikan penjagaan antenatal yang lengkap dan menyeluruh. Oleh itu, mendaftar awal di Klinik Kesihatan berhampiran adalah langkah penting bagi setiap ibu hamil untuk memastikan pemeriksaan kesihatan dapat dilakukan dengan mudah dan maslahat. Kesihatan dapat dikesan lebih awal. Namun, terdapat salah tanggapan yang masih membelenggu segerintil masyarakat.

Ada yang percaya bahawa perkhidmatan di KKIA hanya tersedia untuk pasangan berkahwin,

sedangkan rawatan ini terbuka kepada semua ibu hamil tanpa mengira status perkahwinan. Salah faham ini sering menyebabkan golongan seperti ibu hamil luar nikah mengelak daripada mendapatkan rawatan yang diperlukan.

Selain itu, kekeliruan tentang bayaran perkhidmatan di KKIA turut menjadi penghalang bagi ibu hamil yang kurang berkemampuan. Persepsi sebegini perlu diperbetulkan kerana ia bukan sahaja membantu akses kepada penjagaan kesihatan, tetapi juga meningkatkan risiko komplikasi serius yang boleh membawa kepada kematian ibu atau bayi. Dengan kesedaran dan penjelasan yang tepat, lebih ramai ibu hamil dapat memanfaatkan perkhidmatan KKIA untuk kesejahteraan diri dan anak yang bakal dilahirkan.

Ibu bapa memiliki kebebasan untuk memilih lokasi pemeriksaan kehamilan, sama ada di hospital atau klinik kerajaan, mahupun

fasiliti swasta, asalkan ia dikendalikan oleh pengamal perubatan yang bertaualah dan berdaftar. Pilihan ini dibuat dengan satu matlamat utama: memastikan kesihatan ibu dan bayi sentiasa dalam keadaan terbaik.

Menariknya, buku pink atau Buku Rekod Kesihatan Ibu turut diterima pakai di fasiliti swasta dengan fungsi yang sama. Buku ini menjadi rujukan penting dalam memastikan ibu hamil mendapat pemantauan kesihatan yang konsisten, selain memastikan bayi dalam kandungan berkembang dengan sihat sepanjang tempoh kehamilan. Dengan keseragaman ini, proses penjagaan kehamilan menjadi lebih efisien dan teratur,

tidak kira di mana lokasi pemeriksaan dijalankan.

Oleh itu, menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memastikan setiap ibu hamil menerima pemeriksaan dan rawatan yang sewajarnya sepanjang tempoh kehamilan.

Bagi golongan yang kurang berkemampuan atau kurang pendedahan tentang akses kepada perkhidmatan kesihatan, peranan orang sekeliling dalam memberikan kesedaran dan sokongan amatlah penting. Pengalaman kehamilan, yang sepatutnya menjadi indah indah dalam kehidupan seorang ibu, tidak seharusnya bertukar menjadi episod duka.

Dengan pelbagai perubahan fizikal dan emosi yang sememangnya menjadi cabaran buat ibu hamil, kita tidak sewajarnya menambah tekanan kepada mereka. Sebaliknya, hulurkanlah sokongan yang mencukupi sama ada dari aspek fizikal, emosi, maupun mental demi memastikan kesejahteraan ibu terpelihara dan bayi yang dilahirkan mendapat permulaan hidup yang terbaik.

**NORDIANNA SEMAN** ialah Penyayang Kanan Kejuruteraan, Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Puncak Alam, Selangor.



“

**Buku ini juga berfungsi sebagai dokumen rujukan yang lengkap sekiranya ibu memerlukan rawatan di hospital atau klinik lain.”**